

SIARAN AKHBAR

TH SARAN PENDEPPOSIT PASTIKAN AKAUN KEKAL AKTIF

KUALA LUMPUR, 4 September 2020 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menyarankan kepada para pendeposit **TH** yang tidak melakukan sebarang transaksi di **TH** melebihi tujuh (7) tahun berturut-turut mulai tahun 2013 untuk berbuat demikian bagi mengelakkan akaun mereka dikategorikan sebagai tidak aktif atau berstatus dorman.

Mana-mana pendeposit yang tidak melakukan sebarang transaksi melebihi tujuh (7) tahun akan dikategorikan sebagai akaun dorman. Walau bagaimanapun, simpanan yang terdapat dalam akaun dorman ini masih lagi boleh dituntut dan dibayar kepada pendeposit **TH** apabila akaun tersebut diaktifkan semula dengan melakukan sekurang-kurangnya satu (1) transaksi simpanan atau pengeluaran wang. Transaksi boleh dilakukan di 10,000 touch points **TH** samada melalui kaunter, dalam talian dan mesin ATM/CDM rakan strategik **TH** iaitu Bank Islam, Maybank, Bank Rakyat dan CIMB.

Adalah penting supaya akaun pendeposit **TH** berstatus aktif, agar mereka terus menikmati manfaat menyimpan di **TH** seperti, simpanan dijamin kerajaan, mendapat agihan keuntungan, zakat dibayar, patuh syariah, dikecualikan cukai dan juga turut serta dalam kempen simpan, daftar dan menang.

Sabtu tahun, **TH** akan mengingatkan para pendeposit untuk memastikan status akaun sentiasa aktif, di samping mengemaskini data peribadi seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris bagi memudahkan **TH** menghubungi pendeposit atau waris mereka untuk urusan penghantaran surat tawaran haji dan pengurusan akaun.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan akaun tidak aktif atau sebarang perkhidmatan **TH**, orang ramai boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan (THCC) di 03-6207 1919.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------